

BB Plaza tidak dirobboh

Oleh **SITI MAISARAH SHEIKH RAHIM**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Jun - Pembinaan My Rapid Transit (MRT) dijamin tidak melibatkan sebarang pengambilalihan atau merobohkan kompleks beli-belah BB Plaza di Bukit Bintang.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp., Amir Mahmood Razak berkata, fokus utama ketika ini adalah membina stesen bawah tanah di kawasan itu bagi jajaran Sungai Buloh ke Kajang tanpa mengganggu sebarang pembangunan hartanah lain.

“Kami tiada hasrat mengambil alih atau merobohkan BB Plaza.

“Hak membangunkan semula BB Plaza kekal kepada pemilik kompleks itu iaitu UDA Holdings. Bhd. (UDA),” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan UDA yang terpaksa melepaskan aset paling berharga di ibu kota itu sekiranya diminta berbuat demikian sebagai memberi laluan kepada projek pembangunan nasional tersebut.

Ia sekali gus memungkinakan nasib dan masa depan peniaga Melayu yang sebahagian besar menguasai bangunan yang kini bernilai RM374 juta itu akan terjejas.

Kompleks beli-belah seluas 400,000 kaki persegi itu kini mempunyai 150 penyewa dengan 60 peratus daripadanya adalah Melayu.

Menurut Amir Mahmood, pihaknya kini sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan bagi membolehkan pintu masuk stesen berintegrasi dengan pusat membeli-belah itu akan membawa lebih manfaat apabila ia siap kelak.

Katanya, ia akan melonjakkan taraf perniagaan bumiputera di situ tanpa ‘melenyapkan’ mereka bagi menjayakan projek MRT, sekali gus memberi lebih keuntungan kepada BB Plaza yang menyumbang RM25 juta kepada perolehan tahunan UDA menerusi

anak syarikatnya iaitu UDA Mall.

Beliau berkata, UDA perlu mengambil peluang daripada pembinaan MRT itu bagi memajukan semula BB Plaza agar seiring dengan pembangunan di kawasan sekitar, sekali gus muncul sebagai pembangunan ikonik di kawasan Bukit Bintang.

“Selain menyediakan ruang niaga kepada peniaga kecil, ruang niaga yang khusus untuk usahawan bumiputera iaitu melalui francais makanan segera, restoran, farmasi dan sebagainya boleh disediakan.

“Strategi ini boleh meningkatkan taraf peniaga bumiputera daripada peniaga kecil kepada usahawan sederhana atau usahawan besar,” katanya.

BB Plaza: MRT Corp, kerajaan berunding

KUALA LUMPUR 7 Jun - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) mengesahkan bahawa ia sedang berunding dengan kerajaan untuk membina stesen bawah tanah yang disepadukan dengan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza).

Rancangan untuk menyepadukan stesen tersebut dengan BB Plaza adalah untuk memastikan bahawa projek tersebut tidak akan melibatkan hartanah persendirian.



tahun di sana.

MRT Corp telah menimbang tiga penyelesaian alternatif tetapi memutuskan pilihan penyepaduan stesen.

“Ia penyelesaian terbaik kerana ia menyediakan peluang kepada UDA Holdings Bhd. (UDA) untuk membangunkan semula BB Plaza, dengan rangkaian hubungan terus ke prasarana pengangkutan utama.

“Hubungan prasarana akan membawa fae-

KERATAN akhbar Utusan Malaysia 8 Jun 2012.